

05 SEP 1998

ANGGOTA UMNO SABAH DINASIHAT AKUR

KOTA KINABALU, 5 Sept (Bernama) -- Anggota Umno di negeri ini diminta akur dengan keputusan Majlis Tertinggi (MT) parti itu memecat bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Umno.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Yahya Hussin dalam satu kenyataan di sini hari ini berkata, selain akur dengan keputusan parti, anggota Umno di negeri ini juga hendaklah memberikan sokongan penuh kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sebagai Presiden Umno dan Perdana Menteri, Dr Mahathir berhak mengambil tindakan-tindakan tertentu demi kepentingan rakyat dan negara," katanya mengulas pemecatan Anwar dari Umno semalam.

Yahya, yang juga Menteri Perhubungan dan Kerja Raya, berkata pemecatan Anwar daripada Kabinet dan parti bagaimanapun tidak akan menjejaskan kekuatan Umno dan Barisan Nasional (BN) Negeri dalam menghadapi pilihan raya negeri yang semakin hampir.

"Pemecatan Anwar ini memang akan dijadikan satu isu oleh pembangkang yang akan mendakwanya sebagai satu kelemahan Umno dan BN tetapi saya percaya ahli-ahli Umno dan BN Negeri adalah matang dan tidak mudah terpengaruh dengan dakwah mereka," katanya.

Mengenai dakwaan Anwar bahawa wujud konspirasi peringkat tertinggi untuk menjatuhkannya, Yahya berkata: "Itu adalah dakwaan beliau tetapi semuanya terserah kepada apa yang akan diputuskan oleh mahkamah atau kerajaan nanti."

-- BERNAMA

KG KHY